

UNTUK SIARAN SEGERA



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

KENYATAAN MEDIA

KEMAKMURAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN KEUTAMAAN KERAJAAN PERPADUAN

Saya menyambut baik pengumuman YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam sempena lawatan beliau ke Wilayah Persekutuan Labuan hari ini yang jelas menunjukkan usaha berterusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam merangka usaha memajukan dan memakmurkan lagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebagaimana dinyatakan semasa lawatan saya sebelum ini, penyelesaian kepada isu infrastruktur asas di Wilayah Persekutuan Labuan adalah fokus utama Kerajaan Perpaduan.

Justeru, dengan pemantauan Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam serta usaha sama antara PETRONAS dan beberapa agensi kerajaan Sabah yang berkaitan, diharapkan pelaksanaan projek menaik taraf paip dan cadangan pembinaan loji jana kuasa baharu dapat dilaksanakan dengan baik. Pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur asas di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan semestinya akan merangsang aktiviti ekonomi tempatan serta menarik pelaburan luar.

DR. ZALIHA MUSTAFA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)

21 JANUARI 2024